# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Racun (Pindaan) 1987**

**DR.11/1987**

D.R. 11/87

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Racun 1952.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Racun (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.

**2.** Subseksyen (1) seksyen 2 Ordinan Racun 1952, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. *Ord. 29/52.*

*(a)* dengan memasukkan selepas takrif "contravention" takrif baru yang berikut:

' "conveyance" includes ship, train, vehicle, aircraft or any other means of transport by which persons or goods can be carried;'; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas takrif "possess for sale" takrif baru yang berikut:

' "premises" includes any house, shop, store, room, cubicle, shed, conveyance, structure or any place whether open or enclosed;'.

Seksyen baru 25A.

**3.** Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25 seksyen baru 25A yang berikut:

"Control of import, export, manufacture, sale, etc. of psychotropic substances.

25A. (1) In this section, "psychotropic substance" means any of the substances specified in the Fourth Schedule.

(2) The Minister may, from time to time, after consultation with the Poisons Board, by order published in the *Gazette* amend the Fourth Schedule.

(3) Notwithstanding any other provisions in this Ordinance, no person shall import, export, manufacture, compound, mix, dispense, sell, supply, administer, possess or use any psychotropic substance otherwise than in accordance with any regulations applicable thereto made under this Ordinance.

(4) In any prosecution for an offence under this section, any person who is found to have in his custody or under his control any psychotropic substance shall be deemed to have been in possession of the substance and to have known the nature of the substance, until he proves to the contrary.

(5) Any person who contravenes the provisions of subsection (3) or any regulations made under this Ordinance relating to psychotropic substance shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding four years or to both such fine and imprisonment.".

Pindaan seksyen 30.

**4.** Subseksyen (1) seksyen 30 Ordinan adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan noktah di akhir perenggan *(p)* dengan koma bernoktah; dan

*(b)* dengan menambah selepas perenggan *(p)* perenggan-perenggan baru yang berikut:

"*(q)* the sale, whether by wholesale or retail, or the supply of psychotropic substances by or to any person or class of persons;

*(r)* the storage, transport and labelling of psychotropic substances;

*(s)* the compounding, dispensing and mixing of psychotropic substances;

*(t)* the import, export, manufacture, possession, purchase or use of psychotropic substances;

*(u)* requiring persons in possession of psychotropic substances to keep and maintain a register and to prescribe the manner in which the register should be maintained;

*(v)* to prescribe the mode or the manner of disposal and sampling of psychotropic substances.".

**5.** Ordinan adalah dipinda dengan menambah selepas Jadual Ketiga Jadual Keempat baru yang berikut: **Jadual Keempat baru.**

" FOURTH SCHEDULE

(Section 25A (1))

PSYCHOTROPIC SUBSTANCES

1. Amfepramone

Barbituric acid and other substances structurally derived therefrom; their compounds

Benzphetamine

Cathine

Clobazam

Clotiazepam

Diazepam and other substances structurally derived from 1, 4-benzodiazepine

Ethchlorvynol

Ethinamate

N-Ethylamphetamine
Fencamfamine
Fenproporex
Gluthethimide
Lefetamine
Mazindol
Mephenorex
Meprobamate
Methyprylon
Pentazocine
Phendimetrazine
Phentermine
Pipradol
Propylhexedrine

2. The salt of the substance specified in paragraph 1 of this Schedule wherever the existence of such salt is possible.

3. Any preparation, solution, compound, mixture or product containing one or more of the substances specified in paragraphs 1 and 2 of this Schedule.".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Racun 1952 untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan yang lebih ketat ke atas racun yang dikelaskan sebagai bahan psikotropik di bawah Konvensyen Bahan-Bahan Psikotropik 1971 yang telah ditandatangani oleh negara kita Malaysia.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Ordinan untuk mengadakan takrif bagi istilah "premises" dan "conveyance".

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 25A ke dalam Ordinan. Subseksyen (1) seksyen 25A yang dicadangkan itu mengadakan peruntukan bagi takrif "psychotropic substances" dan subseksyen (2) memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda senarai bahan psikotropik yang dinyatakan dalam Jadual Keempat. Subseksyen (3) bertujuan mengadakan kawalan, melalui peraturan-peraturan, ke atas pengimportan, pengeksportan, penyebatian, pencampuran, pendispensaan, jualan, pembekalan dan pemberian bahan-bahan psikotropik. Subseksyen (4) bertujuan mengadakan anggapan di mana jika seseorang didapati ada di dalam milik atau di bawah kawalannya

apa-apa bahan psikotropik maka dia hendaklah disifatkan sebagai telah memiliki, dan telah mengetahui jenis, bahan tersebut sehingga dia membuktikan sebaliknya. Subseksyen (5) bertujuan mengadakan peruntukan mengenai penalti bagi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan bahan psikotropik.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 30 Ordinan untuk memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan kawalan ke atas bahan psikotropik berkaitan dengan penjualan, pembekalan, penstoran, pengangkutan, pelabelan, penyebatian, pendispensaan, pencampuran, pengimportan, pengeksportan, pengilangan, pemilikan, pembelian dan penggunaan bahan-bahan tersebut.

5. *Fasal 5* mengemukakan Jadual Keempat baru yang memperuntukkan senarai bahan-bahan psikotropik.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 473/III.]